

**SEJARAH ASAL USUL KAMPUNG AYER, KUDAT, SABAH:
WARISAN KERABAT KESULTANAN BRUNEI SILAM**

*The History of the Origin of Kampung Ayer, Kudat, Sabah: The Legacy
of the Relatives of the Former Brunei Sultanate*

**Fatmah Sidek¹
Bilcher Bala²**

^{1&2}Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah,
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah

*Corresponding author: bilcher@ums.edu.my

*Dihantar: 22 Mac 2025 / Penambahbaikan: 18 Jun 2025
Diterima: 1 November 2025 / Terbit: 31 Disember 2025*

Abstrak

Artikel ini menelusuri sejarah asal usul dan perkembangan awal Kampung Ayer, Kudat sebagai sebuah petempatan air tradisional masyarakat Brunei di utara Sabah. Berasaskan sumber dokumentasi kolonial, salasilah keluarga serta temu bual lapangan, penelitian ini mendapati bahawa pembukaan Kampung Ayer pada lewat abad ke-19 berkait rapat dengan penghijrahan keluarga-keluarga Pengiran dari Brunei Darussalam dan Mengkabong yang terlibat dalam sektor ekonomi kolonial. Analisis turut menunjukkan bahawa komuniti Brunei di Kampung Ayer mempunyai hubungan genealogis rapat dengan beberapa jalur keturunan Sultan Brunei, meskipun identiti keturunan tersebut sering disembunyikan bagi menjaga keselamatan dalam konteks sosio-politik kolonial. Peristiwa sejarah seperti pendudukan Jepun semasa Perang Dunia Kedua serta penglibatan aktif penduduk Kampung Ayer dalam gerakan politik Sabah melalui Parti Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO) menegaskan lagi peranan signifikan kampung ini dalam pembentukan identiti sosio-budaya dan politik tempatan. Artikel ini menegaskan bahawa Kampung Ayer, Kudat merupakan tapak warisan penting yang mencerminkan kesinambungan sejarah, migrasi, dan dinamika politik masyarakat Brunei di Sabah.

Kata Kunci : Kampung Ayer, Kudat, Kerabat Diraja Brunei, Melayu Brunei

Abstract

This article examines the historical origins and early development of Kampung Ayer, Kudat, a traditional water settlement of the Brunei community in northern Sabah. Drawing on colonial records, genealogical data, and field interviews, this article reveals that the establishment of Kampung Ayer in the late nineteenth century was closely linked to the migration of Pengiran families from Brunei Darussalam and Mengkabong who were engaged in colonial economic activities, particularly in the Kudat port and log pond sectors. The analysis further demonstrates that the Brunei community in Kampung Ayer possesses notable genealogical connections to several lineages of the Brunei sultanate, although these identities were often concealed for safety reasons within the socio-political context of the colonial era. Historical events, including the Japanese occupation during World War II and the active political involvement of Kampung Ayer residents, especially through the United Sabah National Organisation (USNO) Party, underscore the settlement's significant role in shaping Sabah's sociocultural and political landscape. Overall, this article affirms that Kampung Ayer, Kudat constitutes an important heritage site reflecting the historical continuity, migratory trajectories and political dynamics of the Brunei community in Sabah.

Keywords : *Kampung Ayer, Kudat, Brunei Royal Family, Malay Brunei*

Pengenalan

Petempatan kampung air merupakan bentuk petempatan tradisi yang lumrah terdapat di sebahagian besar pinggir pantai, pulau-pulau dan muara sungai di kepulauan Borneo khususnya di Negeri Sabah (Amaluddin dan Mohammad, 2004). Petempatan kampung air ini telah menjadi salah satu pusat pentadbiran dan ekonomi utama semasa zaman kerajaan Kesultanan Brunei. Kajian lepas menyatakan bahawa ciri petempatan air di muara sungai terus wujud semasa Negeri Sabah berada di bawah pentadbiran *British North Borneo Chartered Company* (BNBCC) tahun 1881 hingga 1941. Terdapat petempatan air yang dijadikan sebagai *log pond* iaitu tempat pengumpulan kayu balak dalam usaha membawa keluar kayu balak bagi tujuan eksport. Pekerja yang terlibat telah membina perkampungan air berhampiran log pond bagi memudahkan mereka berulang alik ke tempat kerja (Amaluddin dan Mohammad, 2004).

*Sejarah Asal Usul Kampung Ayer, Kudat,
Sabah: Warisan Kerabat Kesultanan Brunei Silam*

Kampung air yang terdapat di bandar Kudat dikenali dengan nama Kampung Ayer. Artikel ini bertujuan menjelaskan asal usul Kampung Ayer, Kudat. Selain itu, artikel ini juga menerangkan peristiwa yang menyebabkan mereka membuka petempatan air dan menetap di Kampung Ayer, Kudat. Namun, penduduk kampung sering menyebut nama kampung ini dengan sebutan 'Kampung Aying'. Perkataan 'aying' membawa maksud yang sama dengan perkataan 'ayer' atau air seperti yang dijelaskan dalam Kamus Bahasa Melayu Brunei yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei pada tahun 1991. Perkataan dan sebutan 'aying' merujuk kepada bahasa Melayu Brunei (Hashim, 1995). Kampung Ayer dalam kajian ini adalah amat terkait rapat dengan kaum Brunei sebagai penduduk yang dominan di kampung ini. Petempatan Kampung Ayer dibuka oleh masyarakat Melayu Brunei yang berhijrah ke Kudat. Kampung Ayer di Kudat berstatus Tanah Rizab Kediaman Anak Negeri Kampung Air Daerah Kudat (Laporan Unit Perancang Ekonomi, 2014).

Hashim Abdul Hamid (1995) menyatakan bahawa kampung air atau Kampung Aying memang terkenal tetapi tidak ramai yang memahami sejarahnya. Kampung air merupakan petempatan tertua pada zaman Kesultanan Brunei, dan kampung air adalah pusat pemerintahan yang pernah menjadi tempat persemayaman Raja. Menurut beliau lagi, daripada kaca mata sejarah, kampung air didiami secara majoriti oleh masyarakat Brunei (Hashim, 1995). Dayang (2010), menjelaskan tentang sejarah awal petempatan masyarakat Brunei bermula di kampung air. Selain berfungsi sebagai pusat perdagangan dan ekonomi, Kampung Ayer dahulunya adalah pusat pentadbiran, politik dan sosial bagi masyarakat Brunei. Bahkan, sejarah petempatan masyarakat Brunei di atas air telah direkodkan dalam laporan Pigafetta, seorang pengembara Eropah yang datang ke Brunei pada tahun 1521. Francisco de Sande, ketua angkatan perang Sepanyol yang menyerang Brunei pada tahun 1578 turut memberi gambaran tentang Kampung Ayer (Dayang, 2010). Mohammad Raduan Mohd Ariff (1999) menjelaskan tentang sebuah perkampungan di atas air iaitu Kampung Bako, merupakan kampung air tertua yang telah dibuka kira-kira 145 tahun yang lalu oleh masyarakat Brunei pada zaman Kesultanan Brunei tradisional. Kini, kampung tersebut masih wujud. Latar belakang pembukaan Kampung Bako sebagai kampung air Brunei mempunyai sedikit sebanyak persamaannya dengan Kampung Ayer di Kudat yang juga merupakan petempatan kaum Brunei.

Walapun pada ketika ini terdapat petempatan kampung air dianggap sebagai kawasan setinggan yang dianggap bermasalah kerana pelbagai isu sosial dan jenayah. Hal ini sebagaimana yang dijelaskan oleh Wan Shawaluddin Wan Hassan dan Ramli Dollah (2007) yang menjelaskan bahawa terdapat beberapa perkampungan atas air (setinggan) di Sandakan, Lahad Datu, Tawau, Semporna dan Kota Kinabalu, dibuka oleh para pendatang tanpa izin dari negara Filipina. Ketiadaan mekanisme kawalan telah menyebabkan kawasan ini telah menjadi kawasan perkampungan setinggan yang sesak sesak dan disenaraikan sebagai kawasan hitam, kotor dan ancaman penyakit kepada penduduk tempatan. Hal ini telah menimbulkan persepsi yang negatif mengenai penempatan kampung air di Sabah secara umumnya. Perlu ditekankan bahawa terdapat perbezaan kawasan kampung air yang didiami oleh masyarakat pendatang tanpa izin berbanding dengan kampung air yang dibuka oleh masyarakat Brunei di Kudat.

Oleh itu, artikel ini mengupas tentang asal usul Kampung Ayer, Kudat iaitu bagaimana kampung ini diasaskan, individu yang mengasaskannya dan masyarakat yang mendiami Kampung Ayer, Kudat. Selain kaum Brunei, terdapat juga kaum peribumi selain Brunei yang mendiami Kampung Ayer, Kudat namun dalam jumlah yang tidak ramai dan faktor perkahwinan dengan kaum Brunei menyebabkan mereka mendiami Kampung Ayer, Kudat.

Sejarah Asal Usul Kaum Brunei dan Pembukaan Kampung Ayer, Kudat

Bandar Kudat terletak di utara Negeri Sabah. Jaraknya dari Kota Kinabalu kira-kira 190 kilometer dan mengambil masa selama kira-kira dua jam setengah perjalanan. Kudat adalah pusat pentadbiran atau ibu negeri North Borneo di bawah pentadbiran BNBCC. Penduduk daerah Kudat dianggarkan seramai 68,242 orang pada tahun 2000. Menurut Briton A. H. Everett, semasa pembukaan Kudat sebagai petempatan orang British, British telah membawa bersama mereka beberapa orang Melayu Brunei (Laporan Unit Perancang Ekonomi, 2014).

Petempatan masyarakat Brunei yang terawal di Kudat ialah Kampung Ayer yang terletak bersebelahan dengan pelabuhan utama bandar Kudat. Masyarakat Brunei yang mengasaskan dan menetap di Kampung Ayer, Kudat adalah berketurunan Pengiran-Pengiran Brunei. Mereka yang berhijrah ke Kampung Ayer, Kudat datang dari bahagian

*Sejarah Asal Usul Kampung Ayer, Kudat,
Sabah: Warisan Kerabat Kesultanan Brunei Silam*

pantai barat Sabah, terutamanya Mengkabong, Tuaran dan Kampung Ayer di Negara Brunei Darussalam. Pengiran 'Balu' atau dikenali juga dengan nama 'Datu Balu' dan Pengiran 'Budok' atau 'Datu Budok' bersama ibu mereka Pengiran 'Halimatul Saadiah' serta beberapa orang adik beradik mereka merupakan antara individu yang awal mendirikan rumah di Kampung Ayer, Kudat pada lewat tahun 1890an (Datu Bandira, 1992). Mereka telah bekerja dengan British di pelabuhan Kudat dan kawasan perairan Kampung Ayer yang merupakan kawasan *log Pond* atau kawasan mengumpul dan mengapungkan kayu balak (Temu Bual, Yusof Haji Samad, 7 Februari 2019).

Menurut Ketua Kampung Ayer Kudat, Encik Yusof Haji Samad dan Tuan Haji Bakri Haji Salehin, moyang mereka, Pengiran Budok bekerja sebagai mandur atau kerani di kawasan pengumpulan kayu balak orang Jerman yang memperoleh konsesi membalak daripada Kerajaan BNBC di Kudat pada awal tahun 1900an. Seterusnya, Pengiran Budok bersama isterinya Pengiran Dang Biyangan Binti Pengiran Dato Ilang telah berpindah ke Sandakan (Temu Bual, Tuan Haji Bakri bin Haji Salehin, 13 April 2025). Selain itu, Pengiran Ibrahim bin Pengiran Arshad Durman@Duman juga merupakan individu yang terawal mendirikan rumah di Kampung Ayer Kudat yang dianggarkan pada sekitar lewat tahun 1890an dan awal tahun 1900an.

Catatan awal tentang latar belakang Kampung Ayer, Kudat telah dimuatkan dalam Laporan Perayaan Sabah 100 Tahun Kudat (Laporan tentang Perayaan Sabah 100 Tahun Kudat). Dalam laporan ini, Orang Tua Kampung (O.T.) pertama ketika Kampung Ayer diistiharkan sebagai sebuah kampung pada tahun 1905 ialah Pengiran Ibrahim bin Pengiran Arsad. Beliau dikatakan telah berhijrah dari Kampung Ayer, Brunei Darussalam dan merupakan salah seorang moyang kepada masyarakat Brunei di Kampung Ayer, Kudat. Hasil perkahwinan antara Pengiran Ibrahim dengan Pengiran Dang Gelangan binti Pengiran Dato Ilang yang berketurunan campuran kaum Brunei-Bajau Samah dari Mengkabong, telah melahirkan ramai zuriat yang membentuk sebahagian besar masyarakat Brunei di Kampung Ayer pada hari ini.

Sebelum berhijrah ke Kudat, Pengiran Ibrahim telah berkahwin dengan Pengiran Dang Gelangan. Pengiran Ibrahim telah meninggal dunia di Kudat dan dimakamkan di tanah perkuburan Bukit Besar, Kudat. Manakala, Pengiran Dang Gelangan di akhir hayatnya telah pulang ke kampung halamannya di Mengkabong dan meninggal dunia di sana. Menurut keturunannya, Pengiran Dang Gelangan telah

dikebumikan di Mengkabong. Pengiran Dato Ilang adalah putera kepada Pengiran Temenggung Abdul Momin Amirul Faza atau Raja Tua di Mengkabong. Kampung Ayer merupakan petempatan pertama kaum Brunei di Kudat dan satu- satunya petempatan yang majoriti penduduknya adalah kaum Brunei. Laporan tersebut juga menerangkan bahawa pekerjaan utama dan sumber pendapatan penduduk Kampung Ayer pada waktu itu ialah nelayan dan pekebun (Awang Mohd Jamil Al-Sufri, 1999).



Foto 1: Kampung Ayer Kudat pada tahun 1960

Sumber: Laporan Unit Perancang Ekonomi Dengan Kerjasama
Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah, 2014

Asal Usul Kaum Brunei di Kampung Ayer, Kudat

Berdasarkan salasilah kaum Brunei di Kampung Ayer, Kudat menyatakan bahawa terdapat beberapa jalur keturunan Sultan Brunei yang mendiami Kampung Ayer, Kudat. Perkahwinan yang berlaku dalam kalangan beberapa jalur keturunan ini telah melahirkan para waris kaum Brunei yang bergelar Pengiran-Pengiran. Namun, setelah menetap di Kampung Ayer, Kudat, mereka tidak menggunakan gelaran keturunan iaitu Pengiran di pangkal nama mereka. Faktor utama yang menyebabkan mereka tidak menggunakan gelar Pengiran di pangkal nama mereka adalah untuk menjaga keselamatan diri dan keturunan mereka. Di Kampung Ayer Kudat ini, kaum Brunei yang bergelar Pengiran menyembunyikan identiti dan asal usul mereka dengan

menukar nama mereka. Dalam sesi temubual dengan penduduk di Kampung Ayer, Kudat khususnya kaum Brunei, menyatakan bahawa datuk dan nenek mereka amat perahsia dan tidak mahu menceritakan identiti mereka sebenar kecuali kepada orang-orang tertentu yang boleh dipercayai dan dapat menyimpan rahsia (Temu bual, Tuan Haji Buang bin Haji Salleh, 5 April 2025).

Di Kampung Ayer, Kudat, terdapat ramai jalur keturunan Sultan Brunei sama ada yang berhijrah dari Negara Brunei Darussalam ataupun dari Mengkabong. Mengkabong pada zaman Kesultanan Brunei tradisional berstatus Sungai Tulin dan meliputi suatu wilayah Brunei yang luas di pantai barat Sabah. Kaum Brunei yang awal seperti Pengiran Datu Balu, Pengiran Datu Budok dan bonda mereka iaitu Pengiran Halimatul Saadiah; Pengiran Ibrahim dan beberapa orang anaknya seperti Pengiran Datuk Orang Kaya Kaya (OKK) Haji Abdul Ghani, Pengiran Hajah Mariam dan Pengiran Haji Salleh adalah antara jalur keturunan Sultan Omar Ali Saifuddin II. Manakala, Danta bin Abdullah atau Pengiran Danta merupakan jalur keturunan Pengiran-Pengiran di Gantisan, Mengkabong (Koleksi Peribadi, Datuk Haji Sidek bin Danta). Pengiran Datu Balu misalnya, yang berasal dari Mengkabong telah berkahwin dengan Pengiran Dang Laisah binti Pengiran Dato Ilang. Pengiran Danta merupakan bapa saudara kepada Pengiran Balu juga telah berkahwin dengan Pengiran Dang Diyanan binti Pengiran Dato Ilang. Pengiran Dang Diyanan merupakan adik bongsu kepada Pengiran Dang Laisah. Pengiran Ibrahim pula telah berkahwin dengan adik perempuan Pengiran Dang Laisah iaitu Pengiran Dang Gelangan (Temu Bual, Tuan Haji Abdul Kadir bin Datuk Haji Abdul Ghani, 7 Februari 2019). Gadis yang dibawa ke Kampung Ayer, Kudat oleh bapa saudara mereka iaitu Pengiran Dato Jilang dan Pengiran Dato Binting adalah dari waris kerabat keturunan Raja Tua di Mengkabong yang dikenali juga dengan nama Pengiran Temenggung Abdul Momin Amirul Faza Ibnu Pengiran Bendahara Ampuan Anak Untong (Awang Mohd Jamil Al-Sufri, 1999). Datu Balu bersama beberapa orang adik beradiknya telah kembali ke Brunei dan Labuan sekitar tahun 1900an. Sekembalinya Datu Balu ke Brunei, beliau telah meninggalkan isterinya, Pengiran Dang Laisah binti Pengiran Dato Ilang bersama dua orang anak perempuannya bernama Dayang Halimah (Eya Pilang) dan Dayang Masturi (Eya Ambanan). Kembalinya Pengiran Datu Balu ke Brunei tanpa khabar berita menyebabkan isterinya Pengiran Dang Laisah telah berkahwin dengan Ayang. Bersama Ayang, Pengiran Dang Laisah dikurniakan ramai anak yang juga menjadi sebahagian penduduk Kampung Ayer Kudat. Dayang Halimah telah dikahwinkan dengan

Pengiran Danta bin Pengiran Besar Abdullah, namun perkahwinan ini tidak kekal dan mereka berpisah. Dayang Halimah telah berkahwin dengan seorang lelaki kaum Dusun-Rungus dari Kota Marudu. Dayang Masturi telah kembali ke Mengkabong bersama anak-anaknya dan terus menetap di Mengkabong, sehingga ke akhir hayat beliau. Perkahwinan Pengiran Dang Laisah dengan Ayang di Kampung Ayer, Kudat juga telah melahirkan ramai zuriat yang menjadi sebahagian daripada kaum Brunei di Kampung Ayer, Kudat (Koleksi Peribadi, Datuk Haji Sidek bin Danta).

Salah seorang pengasas Kampung Ayer Kudat adalah O.T. Ibrahim bin Arshad, yang juga dikenali sebagai Pengiran Ibrahim bin Pengiran Arshad Durman@Duman, waris kerabat Kesultanan Brunei. Menurut waris, Pengiran Ibrahim lahir di Kampung Ayer, Negara Brunei Darussalam. Beliau telah berhijrah ke pantai barat utara Borneo mengikut bapanya Pengiran Arshad Durman@Duman yang merupakan kerabat di istana Negara Brunei kira-kira akhir tahun 1890an. Dipercayai Lokasi terakhir Pengiran Arshad Durman@Duman adalah di Sungai Mengkabong kerana menemani kekandanya yang juga berhijrah ke utara Borneo pada akhir tahun 1890an. Pengiran Ibrahim atau O.T. Ibrahim mempunyai ramai anak dan antara anak lelakinya yang terkenal di Kudat ialah Datuk OKK Hj Abdul Ghani (Foto 2) dan Tuan Haji Abdul Thani@Sani bin O.T. Ibrahim (Foto 3) (Temu bual, Hajah Mariani Haji Mohd Onon, 22 Februari 2025).



Foto 2: Gambar Datuk OKK Haji Abdul Ghani bin O.T. Arshad Durman@Duman

Sumber: Kajian Lapangan 2025



Foto 3: Gambar Tuan Haj Abdul Thani@Sani bin O.T. Ibrahim
Sumber: Kajian Lapangan 2025

Berdasarkan waris Tuan Haji Salleh iaitu Puan Jalilah binti Jaleh, beliau menceritakan pengalamannya mengunjungi kampung halaman nendanya, O.T. Ibrahim di Kampung Ayer, Brunei Darussalam. Menurut Puan Jalilah, pada tahun 1968 sewaktu beliau berusia kira-kira 12 tahun, nendanya Tuan Haji Salleh telah membawa beliau berziarah ke Kampung Ayer Brunei Darussalam dan mengunjungi makam kerabat Sultan Brunei yang terletak di seberang kampung. Makam ini sebenarnya adalah Makam Diraja Brunei atau dikenali Makam Kubah Brunei. Puan Jalilah diberitahu oleh nendanya, Haji Salleh bahawa makam yang mereka ziarahi adalah makam nenek moyang mereka di Brunei Darussalam. Puan Jalilah diajarkan oleh nendanya berdoa di makam berkenaan (Puan Jalilah binti Jaleh, 18 Februari 2025). Manakala, Tuan Haji Buang bin Haji Salleh, anak bongsu kepada Tuan Haji Salleh bin O.T Ibrahim menceritakan bahawa ayahandanya Haji Salleh, pernah menceritakan kampung halamannya yang terletak di Lorong Sikuna, Kampung Ayer, Brunei Darussalam (Temu Bual, Tuan Haji Buang bin Haji Salleh, 4 April 2025).

Selain itu, terdapat juga seorang guru agama yang berasal daripada Palembang, Sumatera yang dikenali sebagai Tuan Guru Haji Zaini juga telah berhijrah ke Kampung Ayer, Kudat. Tuan Guru Haji Zaini telah berkahwin dengan Pengiran Siti Zubaidah binti Pengiran Omar (Sipitang) dan melahirkan ramai anak. Anak-anak Tuan Guru Haji Zaini telah berkahwin dengan keturunan Pengiran-Pengiran di Kampung Ayer, diantaranya ialah Hajah Sukhra binti Haji Zaini telah berkahwin dengan

Pengiran Datuk OKK Haji Ghani bin Pengiran Ibrahim. Nama sebenar Tuan Guru Haji Zaini ialah Haji Muhammad Zaini Ibni Muhammad Ariff Ibni Pangeran Jaminuddin Ibni Pangeran Temenggong al-Falimbani. Pangeran Temenggong Al-Falembani adalah pengasas Kesultanan Palembang Susunhun Abdul Rahman (1659-1706) (Temu Bual, Tuan Haji Dullah bin Haji Muluk, 4 April 2025). Selain itu, terdapat juga kaum Suluk-Bannaran, keturunan Maharajah Untong atau digelar Panglima Haji Abdul Rahim yang menetap di Kampung Ayer Kudat. Waris keturunan Panglima Haji Abdul Rahim ialah Datuk Haji Sulaiman bin Ahmad Moktar bin Salehuddin bin Panglima Abdul Rahim telah berkahwin dengan Datin Hajah Maria binti Haji Mustapha.

Terdapat beberapa tokoh pentadbir yang mempunyai hubungan keluarga dengan Tun Dato Mustapha, Bapa kemerdekaan Sabah. Salah satunya adalah Datu Haji Khalil Datu Haji Jamalul dan Haji Aliakbar. Mereka mempunyai hubungan kekeluargaan dengan O.T. Ibrahim melalui perkahwinan dalam kalangan keluarga. Mereka juga kini menjadi sebahagian daripada penduduk Kampung Ayer Kudat. Tidak hairanlah jika dikatakan bahawa Kampung Ayer, Kudat banyak menyimpan peristiwa bersejarah khususnya, dalam kalangan kaum Brunei di Kampung Ayer, Kudat (Temu Bual, Puan Fatimah binti Datuk Haji Sulaiman, 5 April 2025).

Selain itu, terdapat juga bukti yang memperlihatkan peristiwa penghijrahan Penduduk Mengkabong, ke Kampung Ayer, Kudat. Hal ini dibuktikan dengan kewujudan 'Batu Mengkabong' atau 'Takat Mengkabong' yang terdapat di kawasan perairan Kampung Ayer, Kudat. Batu Mengkabong adalah cerita lagenda Kampung Ayer, Kudat yang berasal daripada peristiwa perahu yang dinaiki oleh orang-orang Mengkabong yang berhijrah ke Kampung Ayer, Kudat. Perahu yang mereka naiki terlanggar dan terkandas di batu karang berkenaan sehingga berlaku kerosakan pada perahu mereka. Batu Mengkabong tidak kelihatan di permukaan air apabila air pasang dan hanya kelihatan semasa air laut surut.



**Foto 4: Batu Mengkabong atau Takat Mengkabong di
Kampung Ayer, Kudat, Sabah**

Sumber: Kajian Lapangan 2025

Pertiswa lain yang boleh dikaitkan dengan kampung ini adalah semasa berlakunya Perang Dunia Kedua. Sebahagian besar penduduk di Kampung Air melarikan diri ke pulau terpencil yang jauh dari pusat pentadbiran Jepun (Amaluddin dan Mohammad Raduan, 2004). Perkampungan Kampung Ayer Kudat tidak terkecuali daripada impak pendudukan dan pemerintahan Jepun yang bersifat kejam. Menurut, Datin Hajah Jamilah Binti Harsad yang pada ketika itu berusia kira-kira belasan tahun pernah menceritakan tentang ketakutan yang dialami oleh penduduk Kampung Ayer, Kudat dan mereka telah melarikan diri masuk ke dalam hutan yang terletak di seberang laut menghadap Kampung Ayer Kudat. Tambah beliau, ketika serangan dan penaklukan Jepun ke atas Borneo Utara, beliau baharu berusia lebih kurang lapan tahun. Bersama ibu dan adik beradiknya, beliau terpaksa bersembunyi di dalam hutan yang dinamakan Langsana dan Pilang yang terletak di pulau berhadapan bandar Kudat. Mereka mengalami kekurangan makanan dan hidup dalam ketakutan sepanjang masa (Temu Bual, Datin Hajah Jamilah Binti Harsad, 2014). Setelah Jepun menyerah kalah kepada Tentera Bersekutu British, baharulah Datin Hajah Jamilah bersama orang-orang Kampung Ayer Kudat yang melarikan diri ke dalam hutan di pulau-pulau berhampiran bandar Kudat kembali ke Kampung Ayer.

Selain itu, Kampung Ayer ini juga berperanan penting dalam konteks sejarah politik sabah. kampung ini telah banyak melahirkan tokoh-tokoh politik penting khususnya semasa Sabah berjuang untuk mencapai kemerdekaan pada tahun 1963. Salah satunya adalah Datuk Haji Sidek bin Danta yang dilahirkan pada tahun 1920 di Kampung Ayer, Kudat. Bersama-sama dengan saudaranya, seperti Tuan Haji Thani bin Ibrahim, Tuan Haji Salleh bin Ibrahim, Datuk OKK Haji Ghani bin Ibrahim dan ramai lagi penduduk di Kampung Ayer Kudat. Datuk Haji Sidek bin Danta merupakan antara pengasas Parti Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO) yang ditubuhkan di Kudat bersama Tun Datu Mustapha bin Datu Harun. Kerajaan Negeri Sabah telah menamakan Esplanade Kudat sebagai Esplanade Sidek untuk memperingati jasa bakti Datuk Haji Sidek (Daily Express, 29 April 2002).



Foto 5: Esplanade Kudat atau Esplanade Sidek, Kudat, Sabah.

Sumber: Kajian Lapangan 2019



Foto 6: Gambar Datuk Haji Sidek bin Danta

Sumber: Kajian Lapangan 2025

Seorang lagi tokoh kemerdekaan Negeri Sabah dari Kampung Ayer, Kudat ialah Datuk OKK Haji Abdul Ghani bin Ibrahim. Menurut anaknya, OKK Haji Abdul Kadir, Datuk OKK Haji Abdul Ghani adalah antara orang penting Parti USNO yang turut menjayakan Kongres Pertama Parti USNO yang diadakan di Kampung Ayer, Kudat. Foto 7 menunjukkan nama Datuk Haji Abdul Ghani yang diabadikan sebagai salah satu nama jalan iaitu Jalan Datuk Haji Abdul Ghani bin Ibrahim di Bandar Kudat.



Foto 7: Jalan OKK Haji Abdul Ghani sempena nama Datuk OKK Haji Abdul Ghani bin O.T. Ibrahim, di bandar Kudat, Sabah

Sumber: Kajian Lapangan 2019

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, Kampung Ayer, Kudat merupakan salah satu petempatan air tertua dan paling signifikan dalam sejarah perkembangan masyarakat Brunei di Sabah. Asalnya dibuka pada lewat abad ke-19 oleh kelompok keluarga Pengiran dari Brunei Darussalam dan Mengkabong. kampung ini berkembang sebagai pusat penempatan masyarakat Brunei yang bekerja di pelabuhan British dan kawasan log pond. Pengasas awal seperti Pengiran Balu, Pengiran Budok, dan terutama Pengiran Ibrahim (O.T. Ibrahim) memainkan peranan penting dalam membentuk asas sosial dan struktur komuniti yang kekal hingga hari ini. Kampung Ayer bukan sekadar petempatan biasa tetapi merupakan tapak sejarah yang menonjolkan warisan budaya, politik dan keturunan masyarakat Brunei. Pelbagai jalur keturunan Sultan Brunei wujud di kampung ini hasil migrasi dan perkahwinan strategik dalam kalangan keluarga Pengiran serta hubungan dengan kerabat Mengkabong. Walaupun ramai penduduk mempunyai kedudukan keturunan tinggi, identiti tersebut sering disembunyikan demi keselamatan pada era kolonial.

*Sejarah Asal Usul Kampung Ayer, Kudat,
Sabah: Warisan Kerabat Kesultanan Brunei Silam*

Sejarah Kampung Ayer turut diperkukuh melalui peristiwa besar seperti pendudukan Jepun ketika Perang Dunia Kedua yang memaksa penduduk bersembunyi di pulau-pulau berhampiran. Selepas perang, kampung ini kembali menjadi pusat kehidupan masyarakat Brunei di Kudat. Lebih penting lagi, Kampung Ayer melahirkan tokoh-tokoh utama dalam sejarah politik Sabah, termasuk Datuk Haji Sidek bin Danta dan Datuk OKK Haji Abdul Ghani, yang memainkan peranan besar dalam perjuangan kemerdekaan dan penubuhan Parti USNO.

Tuntasnya Kampung Ayer, Kudat bukan sahaja melambangkan kesinambungan sejarah masyarakat Brunei di Sabah tetapi juga menjadi bukti kewujudan hubungan genealogis, sosial dan politik yang melakar landskap sejarah daerah Kudat. Kampung ini kekal sebagai simbol identiti Brunei, warisan budaya, dan sumbangan besar masyarakatnya terhadap sejarah Sabah moden.

Senarai Rujukan

Rekod Arkib

Daily Express. (2002). Kudat Offers True Meaning of Esplanade. Kota Kinabalu: Arkib Negeri Sabah. 29 April 2002.
Laporan tentang Perayaan Sabah 100 Tahun Kudat (P/RENS). Kota Kinabalu: Arkib Negeri Sabah.

Buku dan Jurnal

Amaluddin Bakeri Mohammad Raduan dan Mohd Ariff. (2004). Pembongkaran Petempatan Kampung Air di Pulau Borneo: Kajian Kes di Kota Kinabalu, Sabah. *JATI*. Vol. 9: 1-17.
Hashim Haji Abdul Hamid. (1995). Kampong Aying: Model dan Kesinambungan Sosiobudaya Brunei. *Jurnal Darussalam*. Bil.2. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.
Dayang Fatin Nor Mazdina Haji Hamdani. (2010). Sejarah Kampong Ayer. *PUSAKA, Berita Penyelidikan dan Kegiatan Pusat sejarah Brunei*, Bil. 19. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.
Laporan Unit Perancang Ekonomi Dengan Kerjasama Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Februari 2014. (2014). Profil Kampung: Sistem Profil Kampung Peringkat Nasional (SPKPN). Tidak diterbitkan.
Mohammad Raduan Bin Mohd Ariff. (1999). Kampung Bako: Petempatan Awal Kampung Air Melayu Brunei di Kuching, Sarawak. *MANU*, 3: 101-123.

- Wan Shawaluddin Wan Hassan dan Ramli Dollah. (2007). Impak Kehadiran Pendatang Filipina Di Kampung-Kampung Air: Satu Tinjauan di Sabah, *KINABALU*. Bil. 13: 89-90.
- Datu Bandira Bin Datu Alang. (1992). *Iranun: Sejarah dan Adat Tradisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Awang Mohd Jamil Al-Sufri. (1999). *Pusaka, Berita Jabatan Pusat Sejarah Brunei*, Bil. 9. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.

Temubual

- Datin Hajah Jamilah Binti Harsad. 80 tahun. Isteri kepada Datuk Haji Sidek Bin Danta. Beliau meninggal dunia pada tahun 2018 dalam usia 84 tahun di Kota Kinabalu. Ditemubual pada Mei 2014.
- Encik Yusof Bin Haji Samad. 65 tahun. Ketua Kampung Kampung Ayer, Kudat. Ditemubual pada 7 Februari 2019.
- OKK Tuan Haji Abdul Kadir Bin Datuk OKK Haji Abdul Ghani. 78 tahun. Mantan Ketua Anak Negeri Kudat. Ditemubual pada 7 Februari 2019.
- Puan Fatimah Binti Datuk Haji Sulaiman. Beliau merupakan cicit O.T. Ibrahim Bin Arshad Durman@Duman. Ditemubual pada 5 April 2025.
- Puan Jalilah Binti Jaleh. 68 tahun. Surirumah. Ditemubual pada 18 Februari 2025.
- Puan Hajah Mariani Binti Haji Mohd Onon. 55 tahun. Guru Besar Sekolah Kebangsaan Lotong, Kudat, Sabah. Cucu kepada Datuk OKK Hj Abdul Ghani bin O.T. Ibrahim. Ditemubual pada 22 Februari 2025.
- Tuan Haji Bakri Haji Salehin. 70 tahun. Beliau merupakan Kaum Brunei dari jurai keturunan Pengiran Budok atau Datu Budok yang merupakan salah seorang pengasas Kampung Ayer, Kudat. Ditemubual pada 7 Februari 2019.
- Tuan Haji Buang Haji Salleh. 70 tahun. Merupakan cucu kepada O.T. Ibrahim bin Arshad Durman@Duman. Ditemubual pada 4 April 2025.
- Temu bual dengan Tuan haji Dullah bin haji Muluk. 61 Tahun. Tuan Haji Dullah merupakan mantan Pengarah Politeknik Kota Kinabalu, Sabah. Berusia 61 tahun. Beliau merupakan waris keturunan Tuan Guru haji Zaini. Beliau menyimpan pelbagai buku agama yang mengandungi pelbagai maklumat tentang latar belakang dan catatan keluarga Tuan Guru Haji Zaini. Ditemubual pada 4 April 2025.